

19 DEC 1996

DR MAHATHIR BERLEPAS KE INDIA (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke New Delhi hari ini untuk lawatan rasmi ke India sebagai mengakhiri lawatannya ke luar negara tahun ini.

Dr Mahathir telah mengadakan lawatan ke lebih 20 buah negara sepanjang tahun ini.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan empat hari itu.

Antara yang turut menyertai rombongan Dr Mahathir ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Heing Ding serta beberapa ahli perniagaan.

Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Saad dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi India Deepak Vohra.

Semasa di India, Dr Mahathir antara lain akan menerima anugerah Jawaharlal Nehru bagi Persefahaman Antarabangsa serta mengadakan perbincangan dua hala.

Antara negara yang dilawati Dr Mahathir tahun ini ialah Arab Saudi, Australia, Belanda, Bosnia-Herzegovina, China, Croatia, Filipina, Ghana, Guinea, Jepun, Kazakhstan, Kyrgyz, Macedonia, New Zealand, Trinidad and Tobago, Portugal, Vietnam, Amerika Syarikat, Thailand, Brunei, Perancis dan

MOK RON